



MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

06000 Jitra, Kedah Darul Aman

Tel : 04 -702 3300 / 04-702 3400

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor **BUMIPUTERA** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** di **Negeri Kedah** dan mempunyai **Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK)**, **Sijil Taraf Bumiputera (STB)** serta **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)** yang masih sah serta berdaftar dengan **Majlis Perbandaran Kubang Pasu** dan memiliki **Sijil Pematuhan Percukaian (TCC)** yang berstatus patuh serta pendaftarannya masih berkuatkuasa untuk mengambil bahagian dan menjalankan kerja-kerja berikut:

NOMBOR DAN TAJUK SEBUTHARGA	GRED PENDAFTARAN/ KATEGORI PENGKHUSUSAN	BAYARAN	TARIKH DOKUMEN DIKELUARKAN	TARIKH TUTUP SEBUT HARGA
Kerja-Kerja Menaik Taraf D'Laman Wawasan Serta Lain- Lain Kerja Berkaitan Untuk Majlis Perbandaran Kubang Pasu. MPKP/SH(K)/27/2026	G2/ B & CE B28, CE01 & CE21 (Kebenaran khas tidak dibenarkan)	Dokumen : RM30.00	Dijual mulai 27.09.2026 Sehingga 01.10.2026	04.10.2026 (Ahad) Jam : 12.00 Tengah Hari

- Pendaftaran kontraktor Awam G2 boleh dibuat melalui pautan yang tertera di dalam portal Majlis Perbandaran Kubang Pasu.
- Tuan dinasihatkan untuk memastikan tarikh **SAH LESEN** sekurang-kurangnya **TIGA (3) BULAN** dari tarikh tutup Sebut Harga, **KEGAGALAN** berbuat demikian **BERKEMUNGKINAN BOLEH MENJEJASKAN** peluang bidaan yang dimasuki oleh tuan.
- Dokumen sebut harga akan dijual dalam bentuk soft copy. Sila kemukakan borang permohonan pembelian dokumen sebut harga ke emel perolehanmpkubangpasu@gmail.com. Resit pembelian dokumen sebut harga akan dikeluarkan untuk tujuan pembayaran. Waktu urusan permohonan serta pertanyaan mengenai sebut harga seperti berikut :

AHAD – RABU : 8.30 Pagi – 4.00 Petang
KHAMIS : 8.30 Pagi – 3.00 Petang

5. Penyebut harga perlu melampirkan bukti pembayaran ke emel perolehanmpkubangpasu@gmail.com
6. Dokumen sebut harga akan diberikan melalui emel setelah bukti pembayaran diterima. **Dokumen sebut harga yang dibeli perlu dicetak dan dibukukan / didokumentasikan bersama dokumen sokongan yang diwajibkan.**
7. Dokumen Sebut harga yang telah disempurnakan hendaklah di masukkan ke dalam sampul surat yang berlakri / bermeteri. Jenis Kerja Tawaran dan Nombor Tawaran hendaklah di nyatakan di muka hadapan sampul surat tersebut dengan terang dan jelas dan di alamatkan kepada **YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU, 06000 JITRA, KEDAH DARUL AMAN** dan dimasukkan terus ke dalam peti tawaran berkenaan di **MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU** pada atau sebelum jam 12.00 tengahari bertarikh seperti tersebut di ruangan tarikh tutup sebutharga.
8. Jika sebut harga dihantar dengan menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, penyebut harga hendaklah memastikan sendiri bahawa dokumen tersebut selamat dihantar ke alamat yang telah ditetapkan dan dimasukkan ke dalam peti tawaran sebelum atau pada tarikh tutup sebut harga. MPKP tidak akan bertanggungjawab atas kelewatan penerimaan dokumen syarikat. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

.....
FAIZAL AZLI BIN GHAZALI, BCK.
SETIAUSAHA
MAJLIS PERBANDARAN KUBANG PASU

Tarikh Iklan :

24 SEP 2026